

Didik anak panduan atasi jenayah



Sebahagian daripada ahli jawatankuasa yang menjayakan program 'Save Our Children 2008':

S.H 05/08/08 M.S 11

■ AFDAM MUJAP

TAMAN MEDAN – Ibu bapa perlu menukar kaedah mereka dalam mendidik anak masing-masing supaya dapat menghindarkan mereka menjadi mangsa culik dan jenayah lain.

Ketua Wanita Jemaah Islam Malaysia (JIM) yang juga merupakan Pensyarah Kanan dan Pakar Perunding Jabatan Obstetrik & Ginekologi Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Harlina Halizah Siraj berkata, ibu bapa perlu memberi maklumat kepada anak-anak tentang bahaya yang ada di sekeliling mereka.

Menurutnya, kaedah mengurung anak-anak di dalam rumah bukan lagi cara terbaik untuk menghindar dan mengelakkan mereka menjadi sasaran penjenayah.

“Ibu bapa perlu memberi panduan dan cara kepada anak masing-masing untuk mengelakkan diri daripada

bahaya,” katanya ketika ditemui pada Program ‘Save Our Children 2008’ anjuran Wanita JIM Petaling Jaya dengan kerjasama Pejabat ADUN Taman Medan dan Persatuan Penduduk Flat Taman Medan Cahaya, di sini semalam.

Turut hadir merasmikan majlis tersebut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Medan, Haniza Mohd Talha.

Katanya, ibu bapa perlu menekankan ilmu pengetahuan kepada anak masing-masing berhubung perkara yang harus dilakukan ketika berdepan dengan orang yang tidak dikenali dan sebaliknya.

“Anggota masyarakat juga perlu memainkan peranan mereka dan bukan hanya bersikap lepas tangan dan perlu bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan kanak-kanak yang ada di dalam komuniti masing-masing.

“Kejadian culik yang membabit-

kan golongan kanak-kanak di dalam sebuah komuniti dapat dielakkan jika masyarakat mempunyai rasa tanggungjawab dan keprihatinan yang tinggi,” katanya.

Katanya, anak-anak merupakan aset yang paling penting dalam masyarakat dan bakal pemimpin pada masa hadapan. Sejak akhir-akhir ini, mereka tidak lagi selamat berada di kawasan luar rumah.

“Kini kanak-kanak sentiasa terdedah kepada bahaya dan anasir-anasir jahat yang semakin berani bertindak di dalam komuniti kita.

“Oleh itu, kita sebagai ibu bapa dan ahli masyarakat seharusnya membendung jenayah yang saban hari semakin berleluasa di dalam komuniti kita, jika anggota masyarakat masing-masing melakukan hal sendiri, maka ia adalah peluang terbaik kepada penjenayah melakukan aktiviti jenayah seperti penculikan dan sebagainya,” katanya.



TAMAN MEDAN JAYA Menghiburkan...

Persembahan mini teater cara melindungi diri dari bahaya untuk kanak-kanak menghiburkan tetamu yang hadir pada program Kempen Keselamatan Anak-Anak yang diadakan di Flat Taman Medan Cahaya.